

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000  
September 1999**

**PPG 220/PDP 491 : Kaedah Mengajar Ekonomi I**

**Masa : (3 Jam)**

---

Arahan : Kertas soalan ini terdiri daripada **DUA** bahagian.

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **30** soalan objektif. Jawab semua soalan dari bahagian ini dengan menghitamkan jawapan yang paling tepat sekali dalam Borang Jawapan Komputer (Borang OMR) yang disediakan.

Soalan Bahagian ini tidak boleh dibawa keluar dari dewan peperiksaan. Jawapan untuk Bahagian ini akan dikutip berasingan selepas 1 jam peperiksaan berjalan.

Sila jawab Bahagian A dahulu.

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi tiga soalan eseai. Jawab **DUA** soalan sahaja.

Nota : Ikat semua jawapan di dalam buku jawapan.

...2/-

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif (30 markah)**

Jawab semua soalan. Pilih jawapan yang betul dengan menghitamkan jawapan yang berkenaan di kertas jawapan OMR.

1. Pengajaran generatif menekankan :
  - A. penyemakan prakonsepsi
  - B. pembentukan konsep
  - C. kedua-dua jawapan di atas (A dan B)
  - D. guru dan peranan pasif murid
2. Kajian tentang pengajaran generatif membuktikan bahawa :
  - A. wujud perbezaan tahap kefahaman tentang ekonomi dari segi jantina
  - B. tidak wujud perbezaan tahap kefahaman tentang ekonomi dari segi jantina
  - C. pelajar perempuan mempunyai tahap kefahaman yang tinggi tentang ekonomi
  - D. pelajar lelaki mempunyai tahap kefahaman yang tinggi tentang ekonomi
3. Pembelajaran koperatif menekankan :
  - A. matlamat kumpulan dan akauntabiliti individu
  - B. matlamat individu dan akauntabiliti kumpulan
  - C. matlamat kumpulan dan akauntabiliti guru
  - D. matlamat guru dan akauntabiliti kumpulan
4. Pengajaran generatif sesuai untuk :
  - A. ekonomi
  - B. matematik
  - C. geografi
  - D. semua mata pelajaran di atas
5. Mengikut Gall, yang manakah pernyataan yang betul tentang kesan daripada penyoalan yang baik ?
  - A. memotivasi pelajar
  - B. memperdalam pengetahuan pelajar
  - C. memperlihat sejauh mana pelajar menguasai pelajaran
  - D. semua jawapan di atas

...3/-

6. Menurut Dillon, semasa menjalankan pengajaran guru perlu :
  - A. mengemukakan soalan peringkat tinggi sahaja
  - B. mengajar dan menggalak pelajar mengemukakan soalan
  - C. menjawab "soalan harian" sahaja pada peringkat awal
  - D. menjawab soalan peringkat tinggi sahaja
7. Pada amnya, yang manakah antara kenyataan berikut disaran sebagai panduan apabila menyoal?
  - A. menyoal semua soalan pada aras kognitif yang tinggi
  - B. menyoal pelajar yang mengangkat tangan sahaja
  - C. berhenti seketika sebelum memanggil pelajar untuk menjawab
  - D. berhenti menyoal apabila jawapan betul diperolehi
8. Demonstrasi yang baik mengambil kira aspek :
  - A. sebelum demonstrasi
  - B. semasa demonstrasi
  - C. selepas demonstrasi
  - D. semua jawapan di atas
9. Sebagai satu kaedah pengajaran, demonstrasi dapat :
  - A. menunjukkan cara untuk melaksanakan sesuatu
  - B. memperbetul sebarang kesilapan yang dilakukan murid
  - C. membina minat murid untuk belajar
  - D. semua jawapan di atas
10. Aspek yang penting dalam demonstrasi ialah :
  - A. menekankan pengajaran dua hala
  - B. mempercepatkan langkah demonstrasi
  - C. memberi peneguhan selepas demonstrasi
  - D. untuk mengajar jumlah pelajar yang ramai sahaja
11. Langkah terakhir dalam befikir atau menyelesaikan masalah ialah :
  - A. aplikasi
  - B. sintesis
  - C. penilaian
  - D. kefaamanan

...4/-

12. Penggunaan serentak analisis titik pulangan dan permintaan sesuatu barang dapat menunjukkan :
- A. harga yang paling menguntungkan
  - B. harga yang pengguna mampu membayar
  - C. kos tetap
  - D. kos berubah
13. Tingkah laku yang melibatkan penggabungan beberapa tingkah laku kognitif yang lain dikenali sebagai :
- A. pencantuman
  - B. penilaian
  - C. pentafsiran
  - D. ekstrapolasi
14. Keputusan yang dibuat **tanpa** pertimbangan yang teliti ialah :
- A. pendapat
  - B. penilaian
  - C. kefahaman
  - D. refleksi
15. Pertimbangan yang dibuat pada aras kesedaran yang sepenuhnya dikenali sebagai :
- A. kepekaan
  - B. penilaian
  - C. pemikiran kritis
  - D. kefahaman
16. Penilaian sesuatu komunikasi berdasarkan ketepatan logik dikatakan menggunakan kriteria :
- A. luaran
  - B. dalaman
  - C. standard
  - D. subjektif

...5/-

17. Perbandingan antara teori-teori utama dalam bidang ekonomi merujuk kepada kriteria:
- A. dalaman
  - B. luaran
  - C. normal
  - D. standard
18. Dalam bidang pendidikan, taksonomi merujuk kepada pengelasan :
- A. mengikut perkaitan semula jadi
  - B. komponen dalam Falsafah Pendidikan Negara
  - C. kurikulum
  - D. tingkahlaku pelajar
19. Taksonomi memudahkan guru :
- A. merancang pengajaran
  - B. menilai keberkesanannya pengajaran
  - C. kedua-dua jawapan di atas (A dan B)
  - D. untuk memahami sukanan pelajaran
20. Objektif pendidikan merangkumi domain :
- A. kognitif
  - B. afektif
  - C. psikomotor
  - D. semua jawapan di atas
21. Objektif pembelajaran yang merangkumi pengecaman maklumat digolongkan di bawah domain :
- A. afektif
  - B. kognitif
  - C. psikomotor
  - D. psiko-kognitif

...6/-

22. Objektif pembelajaran yang menghuraikan perubahan sikap atau minat digolongkan di bawah domain :
- A. afektif
  - B. efektif
  - C. kognitif
  - D. psikomotor
23. Domain yang berkaitan dengan aspek manipulasi dan kemahiran otot ialah domain :
- A. efektif
  - B. jasmani
  - C. psikomotor
  - D. kognitif
24. Kegagalan untuk memenuhi keperluan sesuatu rangka kerja merujuk kepada tingkah laku :
- A. sintesis
  - B. analisis
  - C. penilaian
  - D. aplikasi
25. Satu contoh objektif tingkah laku untuk menunjukkan kebolehan merumuskan sesuatu teori pembelajaran yang boleh digunakan dalam bilik darjah adalah dikategorikan sebagai penghasilan :
- A. satu set perkaitan yang abstrak
  - B. satu set rancangan atau operasi
  - C. satu komunikasi yang unik
  - D. satu penyelesaian masalah
26. Kebolehanan menghasilkan satu unit pengajaran harian boleh dikategorikan sebagai :
- A. analisis
  - B. sistesis
  - C. aplikasi
  - D. kefahaman

...7/-

27. Guru ekonomi boleh memperbaiki pengajaran dengan :
- A. mencari bahan-bahan baru untuk pengajaran
  - B. memperbaiki pengetahuan tentang mata pelajaran
  - C. mencatat aktiviti pengajaran mata pelajaran
  - D. semua jawapan di atas
28. Pengajaran yang melibatkan kategori analisis dan aplikasi sesuai dilaksanakan melalui :
- A. kajian kes
  - B. kuliah
  - C. pengajaran berbantukan komputer
  - D. penggunaan alat pandang dengar
29. Kebolehan menyatakan hubungan yang agak kekal antara dua atau lebih konsep dikenali sebagai kebolehan membuat :
- A. ramalan
  - B. ekstrapolasi
  - C. generalisasi
  - D. intrapolasi
30. Perbezaan individu merujuk kepada perbezaan daripada segi :
- A. minat
  - B. kebolehan
  - C. bakat
  - D. semua jawapan di atas

...8/-



**BAHAGIAN B : Soalan Esei (70 markah)**

Jawab Dua soalan sahaja.

**SOALAN 2**

Apakah yang dimaksudkan dengan pembelajaran melalui penemuan kognitif. Huraikan langkah-langkah pengajaran yang boleh dilaksanakan untuk membolehkan pelajar membuat generalisasi tentang konsep-konsep dalam mata pelajaran ekonomi.

(35 markah)

**SOALAN 3**

Salah satu pendekatan yang boleh dilaksanakan semasa mengajar topik-topik tertentu ialah melalui eksperimen. Huraikan bagaimana kaedah ini dapat digunakan untuk mengajar hukum permintaan.

(35 markah)

**SOALAN 4**

Pelbagai masalah telah dikenalpasti sebagai halangan kepada pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ekonomi. Senaraikan masalah-masalah dan huraikan bagaimana masalah-masalah tersebut dapat di atasi.

(35 markah)

